

23/09/2000

Ulang tahun Istana Budaya meriah

SEPTEMBER adalah bulan bersejarah bagi Istana Budaya kerana pada bulan berkenaan tahun lalu, majlis pembukaan rasmi disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Genap setahun, mendorong Istana Budaya mengadakan pelbagai aktiviti supaya orang ramai mengenalinya lebih dekat lagi peranannya dalam mengangkat kesenian bangsa.

Memilih 15 hingga 17 September lalu sebagai tarikh sambutan perayaan ulang tahun pertamanya, pengurusan Istana Budaya mengadakan pameran aktiviti, tayangan video `imbasan nostalgia', persembahan muzik dan pementasan teater.

Imbasan nostalgia ialah tayangan video pementasan beberapa teater terpilih yang dirakamkan Istana Budaya.

Misalnya, pada 15 September dipersembahkan rakaman teater `Keris Sang Puteri', `Selendang Umi' dan `Mencari Juita'.

Pada 16 September diadakan persembahan rakaman `Tun Perak', `Tanah Bernanah', `Siti Di Alam Fantasi' serta `Malam Ini Penyu Menangis' manakala keesokan harinya dipersembahkan `Siti Zubaidah', `Cindai' dan `Rubiah'.

Sempena pementasan teater `Nyiur Gading Puncak Mahligai', pameran mengenai teater itu turut diadakan selain orang ramai diberi peluang menguji bakat sebagai pengacara pementasan Istana Budaya.

Persembahan muzik turut diadakan manakala untuk kanak-kanak diadakan pertandingan melukis.

Kemuncak acaranya tentunya majlis penyampaian anugerah perkhidmatan Istana Budaya yang diberikan kepada kakitangan yang memberi khidmat melebihi 20 tahun.

Majlis disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alauddin Abdul Majid.

Turut hadir ialah timbalannya, Daing Abdul Rahman Daing Ibrahim.

Seramai 24 orang yang berkhidmat lebih 20 tahun menerima anugerah dan didahului bekas Pengarah Istana Budaya, Supiat Mokri dan Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Perlis, Mohd Adnan Hamzah.

Penerima lain termasuk sembilan orang dari bahagian pemuzik tradisional, tujuh orang pegawai kebudayaan gred B7 dan B9 serta enam artis budaya.

Tengku Alauddin dalam ucapannya mengimbau perjalanan panjang sebelum kehadiran Istana Budaya yang tersergam indah.

Panggung Negara yang kini ditukar nama kepada Istana Budaya adalah perjuangan panjang karyawan seni pada Kongres Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971.

Salah seorang yang turut memberi sumbangan idea ialah Seniman Agung Tan Sri P Ramlee yang mencadangkan dtubuhkan sebuah orkestra dan satu tempat untuk melatih pemuzik manakala karyawan lain mencadangkan Panggung Negara.

Sebuah syarikat arkitek ketika itu sudah menghasilkan sebuah cadangan projek Panggung Negara dan dicadang dibangunkan di Taman Tasik Titiwangsa.

Ketika Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan diwujudkan, bekas Menteri Datuk Sabbaruddin Chik menekankan projek itu disegerakan dan akhirnya ia menjadi kenyataan.

Ia ditukar nama dari Panggung Negara kepada Istana Budaya.

Tengku Alauddin berkata, sebagai bangunan yang diperjuangkan oleh rakyat, fokus peminat seni tentulah padanya dan kerana itu kakitangan perlu bersedia untuk memberi perkhidmatan yang sesuai.

Pada masa sama, beliau menekankan kakitangan mempunyai semangat cintakan ilmu kerana dengan cara ini proses pembelajaran akan berterusan.
(END)